

Ada pihak rancang pilihanraya baru, kata Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan bahawa ada golongan tertentu yang dikatakan bercadang mengadakan pilihanraya semula sekiranya mereka memenangi pemilihan Umno pada 24 April ini.

Menurutnya, langkah itu bertujuan menggantikan ahli-ahli Parlimen yang tidak bersetuju dengan pandangan mereka.

"Sama ada ini benar-benar serius atau taktik kempen, saya tidak tahu. Saya nyatakan ini daripada apa yang saya dengar," katanya.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata golongan itu juga dikatakan berdentam dengan orang tertentu dalam kerajaan ketika ini.

"Mereka sifatkan orang itu sebagai 'Dewa yang dipetik dari kalyangan' yang diberi tempat sebagai pemimpin dalam negara," katanya.

lepas merasmikan majlis ulang tahun ke-16 Koperasi Shamelin Berhad di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah itu diperuntukkan dalam Akta Rahsia Rasmi (ARR).

Beliau berkata sejak kebelakangan ini ada golongan yang memberi gambaran yang mengelirukan mengenai projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan.

"Mereka berkata semua dasar kerajaan membawa pelbagai masalah kepada ekonomi negara dan memberitahu orang ramai bahawa saya yang membuat keputusan mengenai itu," katanya.

Beliau berkata ada juga dokumen yang tidak dikategorikan sebagai rahsia rasmi tetapi tidak diedarkan. "Bagaimanapun, kalau ada orang yang ingin tahu mengenai perkara itu, kita boleh edarkan."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tindakan Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sanusi Jundi, mendedahkan surat-surat Datuk Musa Hitam yang mendesak beliau

Sebelum itu ketika merasmikan majlis ulang tahun ke-16 Shamelin Berhad, di sini Perdana Menteri berkata, maklumat-maklumat mengenai Jambatan Pulau Pinang, Proton Saga dan Kompleks Daya Bumi tidak lagi dikategorikan sebagai rahsia rasmi bagi membolehkan semua pihak 'mengetahui keadaan sebenar' berhubung projek-projek itu.

Maklumat

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata pihak yang berminat mengetahui maklumat berkenaan, termasuk media massa, boleh menghubungi menteri yang berkenaan untuk mendapatkannya.

"Ini bagi membolehkan orang ramai mengetahui keadaan sebenar, termasuk siapa yang membuat keputusan mengenai projek-projek itu. Semua maklumat itu ada dalam minit-minit mesyuarat Majlis Tindakan Negara dan Kabinet.

"Sekiranya ada orang yang memberi maklumat yang salah, kita boleh perbetulkannya dengan mengeluarkan dokumen yang terhad dari senarai rahsia rasmi. Ini termasuk surat peribadi," katanya se-

(PM) menggugurkan Tengku Razaleigh Hamzah daripada Kabinet di Kota Bharu baru-baru ini adalah tidak salah kerana ia bertujuan membetulkan maklumat salah yang tersebar.

"Surat-surat rahsia perlu didedahkan kerana ada orang membawa cerita berbeza-beza dan suka berbohong.

"Ada surat cop rahsia besar kepada Perdana Menteri tetapi boleh dikeluarkan (dari senarai rahsia rasmi) kalau penulisnya berkata berlainan dengan apa yang ditulisnya.

"Jika tindakan sedemikian tidak diambil, mungkin ada orang yang membuat kesalahan akan terlepas daripada hukuman hanya kerana kesalahan itu dirahsiakan," katanya sambil memberi contoh apa yang berlaku di Amerika Syarikat berhubung penjualan senjata haram.

Turut hadir dalam perasmian itu ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Khalil Yaakob; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Abu Hassan Omar; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Timbalan Menteri Buruh, Datuk Wan Abu Bakar Wan Mohamad.